جابتن حال إحوال اكام إسلام نكري سابه

**KHUTBAH JUMAAT 18 ZULKAEDAH 1441 H BERSAMAAN 10 JULAI 2020 M**

# MEMPERKUKUH PERPADUAN UMMAH

DISEDIAKAN OLEH: JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SABAH

---

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ :

وَٱعۡتَصِمُواْ بِحَبۡلِ ٱللَّهِ جَمِيعٗا وَلَا تَفَرَّقُواْۚ وَٱذۡكُرُواْ نِعۡمَتَ ٱللَّهِ عَلَيۡكُمۡ إِذۡ كُنتُمۡ أَعۡدَآءٗ فَأَلَّفَ بَيۡنَ قُلُوبِكُمۡ فَأَصۡبَحۡتُم بِنِعۡمَتِهِۦٓ إِخۡوَٰنٗا وَكُنتُمۡ عَلَىٰ شَفَا حُفۡرَةٖ مِّنَ ٱلنَّارِ فَأَنقَذَكُم مِّنۡهَاۗ كَذَٰلِكَ يُبَيِّنُ ٱللَّهُ لَكُمۡ ءَايَٰتِهِۦ لَعَلَّكُمۡ تَهۡتَدُونَ ١٠٣ (ali-Imran, ayat 103)

أَشْهَدُ أَنْ لَآ إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيْكَ لَهُ ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُوْلُهُ ، اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى ءَالِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِيْنَ .

أَمَّا بَعْدُ ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ ، اتَّقُوا اللَّهَ ، أُوْصِيْكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُوْنَ.

**MA'ASYIRAL MUSLIMIN RAHIMAKUMULLAH,**

Insan yang bijaksana dalam menjalani kehidupan sesungguhnya adalah golongan yang menyemarakkan hari-hari mereka dengan nilai-nilai ketakwaan, dengan menunaikan segala tanggungjawab terhadap Allah SWT dan menyempurnakan hak-hak sesama insan. Justeru, marilah kita terjemahkan nilai-nilai takwa itu menerusi peningkatan amal ibadat, berkhidmat membangun masyarakat dan menjauhi tindak-tanduk yang ditegah yang boleh merugikan diri dan umat keseluruhannya.

**HADIRIN JEMAAH JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SWT SEKALIAN,**

Antara tanggungjawab besar yang tidak harus terlepas daripada agenda hidup seorang mukmin yang bertakwa adalah meneruskan agenda membina kekuatan ummah. Kekuatan yang mampu menegakkan syiar dan dakwah Islamiah, mampu menjalankan misi amar makruf dan nahi munkar yang bertepatan dengan peranan kita sebagai pemakmur alam.

Teras kepada kekuatan ummah itu, selain daripada kemantapan ilmu, ia turut didokong kuat oleh perpaduan dikalangan umat Islam.

Dengan adanya kekuatan perpaduan ini, telah terbukti berjaya dilakukan oleh Rasulullah SAW melalui misi hijrah. Keupayaan Baginda menyatukan ummah atas nama kesatuan akidah sehingga memecah benteng kesukuan, merentasi warna kulit, nilai ekonomi dan kedudukan sekaligus telah melahirkan umat yang mulia lagi bertakwa. Firman Allah SWT dalam surah al-Hujarat, ayat 13 yang bermaksud:

*"Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu Dengan Yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang Yang lebih taqwanya di antara kamu, (bukan Yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha mendalam pengetahuannya (akan keadaan dan amalan kami)."*

**HADIRIN JEMAAH JUMAAT YANG DIBERKATI ALLAH SWT SEKALIAN,**

Sesungguhnya amat jelas bahawa kukuhnya perpaduan ummah ialah terletak pada asas iman dan takwa. Perpaduan ini dibina dengan teguh oleh jalinan yang mendalam iaitu jalinan ukhuwah Islamiah. Ukhuwah Islamiah inilah yang melerai halangan-halangan perbezaan keturunan, warna kulit, darjat dan sebagainya sehingga umat Islam disatukan atas nama persaudaraan Islam.

Dan atas nama ukhuwah Islamiah ini juga maka setiap individu mukmin bersedia menyingkirkan persengketaan, menolak jauh-jauh unsur-unsur yang boleh menjejaskan ukhuwah dengan menukar dendam kepada kasih sayang, mengganti prasangka dengan nilai bersangkabaik, menolak adu domba mengambil rasa setiakawan, melontarkan hasad dengki dan menggantikannya dengan budaya bersyukur dan bergembira dengan nikmat yang diterima oleh saudara seagama. Inilah pancaran ukhuwah yang sejati sebagaimana perumpamaan yang diungkapkan oleh Rasulullah SAW yang bermaksud:

“*Sesungguhnya seorang mukmin dengan mukmin yang lain adalah ibarat satu binaan yang saling sokong menyokong antara sebahagian dengan sebahagian yang lain”.* (HR: Bukhari dan Muslim)

**HADIRIN JEMAAH JUMAAT YANG DIBERKATI ALLAH SWT SEKALIAN,**

Selain daripada asas iman dan takwa,kekuatan perpaduan juga harus dijana dengan budaya *syura yakni* persepakatan dan membuat sesuatu berdasarkan semangat jemaah.

Kita telah diajar, apabila menghadapi masalah, perselisihan atau krisis, maka kekalutan itu perlulah dikembalikan dengan timbangan al-Quran. Allah SWT menegaskan dalam firman-Nya dalam surah ali-Imran, ayat 159:

... وَشَاوِرْهُمْ فِي ٱلْأَمْرِ ۖ فَإِذَا عَزَمْتَ فَتَوَكَّلْ عَلَى ٱللَّهِ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ يُحِبُّ ٱلْمُتَوَكِّلِينَ ﴿١٥٩﴾

Mafhumnya: *“…dan juga bermesyuaratlah dengan mereka dalam urusan (peperangan dan hal-hal keduniaan) itu. kemudian apabila engkau telah berazam (sesudah bermesyuarat, untuk membuat sesuatu) maka bertawakalah kepada Allah, sesungguhnya Allah Mengasihi orang-orang yang bertawakal kepadaNya.”*

**HADIRIN JEMAAH JUMAAT YANG DIKASIHI ALLAH SWT SEKALIAN,**

Mengakhiri khutbah pada hari ini, saya ingin mengajak para jemaah sekalian marilah kita bina perpaduan ini dengan sekukuh-kukuhnya agar musuh tidak semudahnya mempermain-mainkan kita dan sekaligus dengan kekuatan perpaduan ini kita mampu dan berupaya menegakkan kalimatullah di muka bumi dan dapat melaksanakan ibadat serta amal bakti dengan penuh keselesaan.

Firman Allah SWT: Surah al Maidah ayat 2.

... وَتَعَاوَنُوا۟ عَلَى ٱلْبِرِّ وَٱلتَّقْوَىٰ ۖ وَلَا تَعَاوَنُوا۟ عَلَى ٱلْإِثْمِ وَٱلْعُدْوَٰنِ ۚ وَٱتَّقُوا۟ ٱللَّهَ ۖ إِنَّ ٱللَّهَ شَدِيدُ ٱلْعِقَابِ ﴿٢﴾

Yang bermaksud:. *"Dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan bertaqwa, dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan. dan bertaqwalah kepada Allah, kerana Sesungguhnya Allah Maha berat azab seksaNya (bagi sesiapa Yang melanggar perintahNya)."*

بَارَكَ اللهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ العَظِيْمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيْهِ مِنَ الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الحَكِيْمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيْعُ العَلِيْمُ **اَقُولُ قَوْلِى هَذَا** وَاَسْتَغْفِرُ اللهَ العَظِيْمَ لِيْ وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِيْنَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوْهُ **إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ**.

Disediakan dan diedar oleh:
Bahagian Penyelidikan dan Informasi
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

**NOTA:** Teks khutbah ini mengandungi potongan ayat-ayat al-Quran dan Hadis Rasulullah SAW. Mohon jaga dengan cermat dan tidak disepahkan.

Sebarang pertanyaan atau maklum balas, sila hubungi
Unit Penerbitan, Bahagian Penyelidikan dan Informasi
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah
Tingkat 4, Blok A, Wisma MUIS
88737 KOTA KINABALU.
**Tel: 088-522127 @ 088-522142**